

ABU MUHAMMAD

اللهم اشهد

Ya Allah, Aku bersaksi

شهادة الحق

Penyaksian terhadap Kebenaran


Sebuah perbincangan berkisar erti syahadah dan tanggung jawabnya, berdasarkan buku 'Syahadatul Haq' oleh Sayyid Abul 'Aala Al-Maududi.

SYAHADATUL HAQ

PENYAKSIAN TERHADAP KEBENARAN

Oleh Sayyid Abul 'Aala Al-Maududi

(Ucapan ini disampaikan oleh Al-Maududi di dalam suatu majlis yang diadakan di Bandar Sayyid Kaut, salah sebuah bandar di Barat wilayah Punjab)




AL-MAUDUDI

NOTA:

TEKS DI DALAM KOTAK MERUPAKAN PETIKAN DARI BUKU SYAHADATUL HAQ

PENGENALAN AL-MAUDUDI



Dilahirkan di Aurnakabad Daman, Yadarabad.

Ayahnya, Syed Ahmad Hasan, dari keluarga Qutbuddin Maudud.

Melibatkan diri dalam bidang penerbitan, 1918 (Turjuman Al-Quran), ketika beliau berusia 16 tahun. Menerima tawaran Sir Muhammad Iqbal untuk menubuh sekolah Islam di Lahore.

Buku berjudul "Jihad dalam Islam" yang terkenal menarik perhatian ramai pihak

Pengasas Jamaat Islami pada tahun 1941.

Anugerah Malik Faisal, 1979 kerana sumbangan beliau untuk dunia Islam.

Beberapa kali dipenjara dan dihukum gantung tetapi tidak berjaya disebabkan tekanan dunia, akhirnya meninggal dunia pada September 1979.

MARILAH KITA BERSYUKUR AKAN NIKMAT ALLAH


الحمد لله رب العالمين

Kesyukuran yang tidak terhingga hanyalah milik Allah, Tuhan yang memberi kita kehidupan dengan kewujudan kita, memberi erti kepada kehidupan dengan menjadikan kita di kalangan orang yang beriman, memberi kita panduan dalam kehidupan itu dengan penurunan para rasul dan risalah, dan akhirnya Tuhan yang menjadikan syurga sebagai tempat tinggal abadi bagi mereka yang beriman dan mengikuti jalan para rasul sehingga bertemu Allah pada Hari Pengadilan. Maka dengan itu, kita semua akan dipersoalkan satu persatu nikmat Allah pada hari itu.

ثُمَّ لَتُسْأَلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ النَّعِيمِ

“Kemudiannya, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala nikmat (yang kamu telah menikmatinya)!”

(At-Takatsur 102 : 8)



Nikmat Kehidupan

هَلْ أَتَى عَلَى الْإِنْسَانِ حِينٌ مِّنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُنْ شَيْئًا مَّذْكُورًا (١)

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُّطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَّبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا (٢)

“(1) Bukankah telah berlalu kepada manusia satu ketika dari masa, **sedang ia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut?** (2)

Sesungguhnya Kami telah mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya, oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat.”

(Al-Insan 76 : 1-2)

Nikmat Islam

يَمُنُونَ عَلَيْكَ أَنْ أَسْلَمُوا قُلْ لَا تَمَنُّوا عَلَيَّ إِسْلَامَكُمْ بَلِ اللَّهُ يَمُنُّ عَلَيْكُمْ أَنْ هَدَاكُمْ لِلْإِيمَانِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

“Mereka mengira dirinya berbudi kepadamu (Wahai Muhammad) dengan sebab mereka telah. Katakanlah (kepada mereka): "Janganlah kamu mengira keislaman kamu itu sebagai budi kepadaku, **bahkan Allah jualah yang berhak membangkit-bangkitkan budiNya kepada kamu, kerana Dialah yang memimpin kamu kepada iman, kalau betul kamu orang-orang yang benar.**”

(Al-Hujurat 49 : 17)

Inilah nikmat Islam yang perlu kamu syukuri, yang menyebabkan kamu terselamat dari azab Tuhanmu di dunia dan akhirat.

بِعُفْرِ لَكُمْ مِنْ ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرْكُمْ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى إِنْ أَجَلَ اللَّهُ إِذَا جَاءَ لَا يُؤَخَّرُ لَوْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

"Supaya Allah mengampunkan bagi kamu sebahagian dari dosa-dosa kamu, dan **memberi kamu hidup (dengan tidak terkena azab) hingga ke suatu masa yang tertentu**, kerana Sesungguhnya ajal (yang telah ditetapkan) Allah, apabila sampai masanya, tidak dapat ditangguhkan; kalaulah kamu mengetahui (hakikat ini tentulah kamu segera beriman)".

(Nuh 71 : 4)

Nikmat Hidayah / Petunjuk

Allah s.w.t. bukan sahaja menyediakan Islam sebagai agama, bahkan Dia telah menganugerahkan kita dengan panduan dengan diturunkan para rasul yang akan menunjukkan jalan yang benar.

إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا

“Sesungguhnya **Kami telah menunjukkan kepadanya akan jalan-jalan** (yang benar dan yang salah) sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan taat), ataupun ia berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran atau menderhaka)”

(Al-Insan 76 : 3)

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِنْكُمْ يَتْلُو عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ
(١٥١)

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ (١٥٢)

“(151) Sepertimana **(nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu** (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan mengajarkan kamu

kandungan Kitab (Al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui. (152) Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan **bersyukurlah kamu kepadaKu** dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).”

(Al-Baqarah 2 : 151-152)

Nikmat Syurga / Dijauhkan dari Api Neraka


Ingatlah perjalanan hidup kita ini, baik sebagai Muslim atau tidak, semuanya akan menghadap Allah dan akan diputuskan pada Hari Pengadilan dimanakah tempat tinggal abadi kita. Kenikmatan yang paling besar pada ketika itu hanyalah bagi mereka yang telah diberi nikmat Islam dan mereka yang telah mengikuti jejak para rasul terdahulu. Itulah kenikmatan yang sepatunya kita impikan.

وَبَشِّرِ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

“Dan **berilah khabar gembira kepada orang-orang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga mengalir di bawahnya beberapa sungai**; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: "Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu"; dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka Dalam syurga itu pasangan-pasangan, isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya.”

(Al-Baqarah 2 : 25)


PERBEZAAN ANTARA MUSLIM DAN KAFIR



Kita perlu menyadari betapa besar kesan dan perbedaannya apabila kita menyaksikan kebenaran bahawa Allah adalah satu-satunya Tuhan dan Muhammad adalah Rasulullah. Kesan dan perbezaan ini bukan perkara ringan, tetapi suatu yang menuntut pembuktian amal.

Status Muslim adalah Kemuliaan dan Tanggung Jawab

Status yang telah diberikan Allah setelah kita mengucapkan kalimah syahadah adalah satu kedudukan yang cukup besar. Maka, status itu bukan sahaja merupakan satu kemuliaan tetapi juga tanggung jawab yang perlu diselesaikan.



وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

“Dan janganlah kamu merasa lemah dan janganlah kamu berdukacita padahal kamulah orang-orang yang tertinggi jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman.”

(Ali Imran 3 : 139)

Keyakinan mereka yang beriman adalah azab Allah tidak akan melepaskan sesiapa pun yang bersalah, sesiapa pun yang mengabaikan tanggung jawab mereka.

وَالَّذِينَ هُمْ مِنْ عَذَابِ رَبِّهِمْ مُشْفِقُونَ

“Dan mereka yang cemas takut daripada ditimpa azab Tuhannya.”

(Al-Maarij 70 : 27)

PENGERTIAN SYAHADATUL HAQ



Syahadah adalah penyaksian bukan sekadar lafaz. Penyaksian memerlukan seseorang itu mengakui setelah melihat / mendengar / merasai sesuatu dan meyakini kebenaran sesuatu itu. Kemudiannya, mereka yang telah membuat penyaksian akan bertindak sebagai saksi untuk menyatakan kebenaran sesuatu sehingga daripada apa yang dinyatakan itu mempengaruhi keputusan sesuatu perkara. Saksi dalam perbicaraan merupakan contoh terdekat untuk menerangkan perkara ini.

Kebenaran adalah Islam, apa yang datang daripada Tuhan, seperti kataNya,


وقل الحق من ربكم...

“Dan katakanlah kebenaran itu adalah dari Tuhan kamu.” (Al-Kahfi 18 : 29)

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ

“Sesungguhnya Kami menurunkan Al-Quran ini kepadamu dengan membawa kebenaran; oleh itu hendaklah Engkau menyembah Allah dengan mengikhlaskan agama semata kepadaNya.” (Az-Zumar 39 : 2)

Apabila seseorang itu menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah Rasulullah, maka dia telah meyakini kebenaran itu dan perlu bertindak sebagai saksi untuk menyatakan kebenaran yang telah diungkapkan.



TANGGUNG JAWAB SYAHADATUL HAQ

Dakwah yang kita tujukan kepada umat Islam ialah mengajak mereka merasai tanggungjawab besar yang diletakkan di bahu mereka apabila mereka mendakwa mereka beriman dengan Allah dan hari akhirat, dan apabila mereka mengaku akur dengan segala perintah Allah dan rasulNya.

Hanya bergantung kepada **pengakuan dan cakap kosong dalam hal ini tidak cukup.**

Maka TANGGUNG JAWAB INI TIDAK AKAN TERLAKSANA DENGAN HANYA...

Menyatakan keimanan kepada Allah, para malaikat, kitab-kitab, para rasul dan hari akhirat...

Melaksanakan solat, puasa, zakat dan haji...

Melaksanakan undang-undang syarak dalam urusan peribadi...


Hak syahadah ini perlu dilaksanakan dengan cara kamu **menyampaikan kalimah hak ini ke seluruh bangsa manusia**, melalui amalan soleh yang kamu lakukan, melalui akhlak terpuji yang kamu miliki serta melalui pemerintahan kamu yang adil dan betul supaya pada hari di mana segala saksi bangkit menyatakan penyaksian mereka, semua manusia tunduk di bawah hujah Allah dan mereka tidak dapat menafikan bahawa dakwah para nabi dan kalimah hak ini telah sampai ke gegendang telinga mereka.

KAMU ADALAH UMMAT PENGANTARA

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

“Sepertimana Kami jadikan kamu **satu ummat wasato (pertengahan)** supaya kamu **saksi kepada umat manusia** dan **Rasulullah pula menjadi saksi ke atas kamu...**”

(Al-Baqarah 2 : 143)



Maksud syahadah (شهادة الحق) yang diletakkan ke bahu kamu selepas ketiadaan Nabi Muhammad s.a.w. ini ialah kamu **menjelaskan kepada seluruh manusia tentang kebenaran yang nyata ini** dan kamu bimbing mereka untuk melalui satu-satunya jalan yang menghubungkan mereka ke arah kebahagiaan di dunia dan akhirat

Kamu paparkan kepada seluruh manusia ialah kamu buktikan bahawa kebenaran yang jelas nyata dan pendekatan yang sahih ini adalah benar dan terbukti kukuh **sehingga ia boleh menjadi hujah untuk Allah menghukum hamba-hambaNya.**

Pada hari ini **tanggungjawab syahadah dipikul pula oleh seluruh umat Islam yang beriman dengan risalah Muhammad s.a.w..** Tanggung jawab ini kini menjadi tanggungjawab mereka semua yang suatu ketika dahulu ia menjadi kewajipan pembawa risalah ini, Nabi Muhammad s.a.w. ketika hayatnya.

Saudara-saudara sudah pasti memahami betapa penting dan besarnya peranan syahadah ini. **Segala undang-undang yang Allah gubal dan berkaitan dengan balasan dan hukuman kepada amalan dan kesalahan manusia sebenarnya berlandaskan dan berteraskan kepada syahadah ini...**

PENGUTUSAN RASUL SEBAGAI PEMUTUS HUJAH MANUSIA

Sudah tentu dengan kebijaksanaan, rahmat dan adilNya, **Allah tidak akan menghukum manusia apabila mereka tergelincir daripada landasan hidup sebenar sedangkan mereka tidak pernah mengetahui** jalan yang boleh memimpin mereka ke arah kebaikan atau jalan yang menyelamatkan mereka daripada dosa, sedangkan mereka tidak mengetahui jalan sebenar yang dapat mengangkat martabat mereka ke arah insan yang sempurna.

Sebelum azab ditimpa Allah akan memberi peluang manusia memilih jalan yang benar atau sebaliknya, kerana itulah Allah telah mengutuskan para rasul.

إِنَّا أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ أَنْ أَنْذِرْ قَوْمَكَ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

“Sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya, (dengan berfirman kepadanya): "Berikanlah peringatan dan amaran kepada kaummu **sebelum mereka didatangi azab** yang tidak terperi sakitnya".

(Nuh 71 : 1)

Pemutus Hujah Manusia

رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا

“Rasul-rasul adalah pembawa khabar gembira dan pembawa amaran, **supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah terhadap Allah** sesudah pengutusan rasul-rasul itu dan Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.”

(An-Nisa' 4 : 165)

Peristiwa-peristiwa Hari Pengadilan

(Al-Qiyamah 75 : 13-15) Setiap manusia perlu mengemukakan bukti-bukti mereka dan tidak boleh berdalih.

(Al-Maarij 70 : 11-14) Mereka yang diazab neraka sentiasa mencari-cari orang lain untuk menggantikan dirinya, sesiapa sahaja di muka bumi, sehingga mereka terlepas dari azab Allah.

(Al-Mursalat 77 : 39) Mereka akan datangkan segala tipu daya untuk melepaskan diri, sepertimana Allah telah mencabar mereka.

Semua ini menjelaskan apa yang saya nyatakan tadi bahawa **syahadah yang Allah perintahkan ini sebenarnya bertujuan mematahkan segala hujah manusia** yang bakal digunakan di hadapan Allah kelak. Agar tiada ruang lagi untuk manusia membuat alasan selepas mereka menerima seruan para nabi.

Tiada umat yang terlepas dari kedatangan saksi (yang telah menyaksikan kebenaran dan menyampaikannya) untuk memastikan setiap manusia telah diberi dua pilihan antara kebenaran atau kebatilan, itulah Keadilan Allah.

وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِنْ أَنْفُسِهِمْ وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَىٰ هَؤُلَاءِ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ
وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ

“Dan hari Kami bangkitkan dalam tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari kalangan mereka sendiri; dan Kami datangkanmu (wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu); dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan, bagi orang-orang Islam.”

(An-Nahl 16 : 89)

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ
فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ


“Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut".

(An-Nahl 16 : 36)

MARI MENGHAYATI INSAN PERTAMA YANG MENERIMA SYAHADAH INI


“Wahyu Tuhan yang pertama diturunkan kepada baginda adalah untuk membaca dengan nama Tuhannya yang menciptakan. Itulah awal kenabiannya. Maka Allah telah memerintahkan baginda untuk membaca untuk dirinya sendiri, dan tidak pula menyuruh baginda untuk menyampaikan. Kemudian diturunkan kepadanya “يا أيها المدثر . قم فأذن ”. Dengan itu, baginda menjadi nabi dengan “اقرأ” (96:1) dan memberinya risalah (kerasulan) dengan “يا أيها المدثر” (74:1). Allah kemudiannya menyuruh baginda memberi peringatan kepada keluarga terdekat, seterusnya bangsa arab di sekelilingnya, seterusnya bangsa arab seluruhnya dan akhirnya memberi peringatan kepada seluruh alam.”

(Petikan Zaadul Maad – Ibn Qayyim)



Rasulullah menyaksikan kebenaran lantas melaksanakan tanggung jawab dakwah. Tidak ada suatu pun yang mampu menghalang baginda daripada melakukan dakwah.

PARA RASUL DIBERI 2 PILIHAN



Demikianlah Allah letakkan tanggungjawab ini kepada para rasul yang telah dipilih untuk menyampaikan risalahNya dan memastikan syahadah ini sampai kepada hamba-hambanya. Jadi para rasul terpaksa berhadapan dengan segala tanggungjawab ini...

Mereka tidak punya pilihan selain melaksanakan tanggung jawab ini dengan sedaya mungkin supaya tiada hujah manusia menjadi penyebab azab turun kepada mereka.

Tiada yang dapat menyelamatkannya melainkan melaksanakan Syahadatul Haq...

قُلْ إِنِّي لَنْ يُجِيرَنِي مِنَ اللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِنْ دُونِهِ مُلْتَحَدًا (٢٢) إِلَّا بَلَاغًا مِنَ اللَّهِ وَرِسَالَاتِهِ وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
فَأِنَّ لَهُ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدًا فِيهَا أَبَدًا (٢٣)

“(22) Katakanlah lagi; "Sesungguhnya aku, tidak sekali-kali akan dapat diberi perlindungan oleh sesiapa pun dari azab Allah, dan **aku tidak sekali-kali akan mendapat tempat perlindungan selain daripadanya**, (23) kecuali dengan **menyampaikan wahyu dari Allah dan risalahNya**, dan sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan ingkarkan akan RasulNya, maka sesungguhnya disediakan baginya neraka Jahannam, di dalamnya selama-lamanya.”

(Al-Jin 72 : 22-23)

Cukuplah Nabi Yunus a.s. sebagai amaran...

فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تَكُنْ كَصَاحِبِ الْحُوتِ إِذْ نَادَى وَهُوَ مَكْظُومٌ

“Maka bersabarlah menerima ketentuan Tuhanmu, **dan janganlah engkau bersikap seperti orang yang telah ditelan ikan yu (Nabi Yunus a.s.), ketika beliau berdoa merayu dengan keadaan sesak sesak terkurung dalam perut ikan.**”

(Al-Qalam 68 : 48)

وَذَا النُّونِ إِذْ ذَهَبَ مُغَاضِبًا فَظَنَّ أَنْ لَنْ نَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي الظُّلُمَاتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

“**Dan (sebutkanlah peristiwa) Zun-Nun, ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah, yang menyebabkan ia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakannya kesusahan atau cubaan**; (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka ia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: “Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (Ya Allah)! Maha suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri”.”

(An-Nahl 68 : 87)

Tidaklah cukup alasan yang boleh diberikan kepada Allah dengan mengatakan kamu marah, kamu bosan, kamu lalai, kamu putus asa, kamu terasa hati atau kamu sedih...dan kamu menyangka Allah akan menerima alasan tersebut. Bahkan tanggung jawab itu masih bertenggek di bahu kamu, ia masih belum beredar pergi sehingga ia terlaksana.

Ingatlah! Kamu akan dipersoal sepertimana para rasul

فَلْتَسْأَلَنَّ الَّذِينَ أُرْسِلَ إِلَيْهِمْ وَلْتَسْأَلَنَّ الْمُرْسَلِينَ

“Maka sesungguhnya Kami akan menyoal umat-umat yang telah diutuskan (rasul-rasul) kepada mereka, dan sesungguhnya Kami akan menyoal juga rasul-rasul itu.”

(Al-A'raf 7 : 6)

Maka tiada sesiapa pun yang akan terlepas daripada tanggung jawab ini, tanggung jawab setelah mendapat kebenaran, baik kita ataupun para rasul.

ANDAI KITA MENGABAIKAN TANGGUNG JAWAB SYAHADATUL HAQ

Lihatlah kaum Yahudi yang telah dianugerahkan takhta syahadah ini sebelum kamu. Malangnya ada kala mereka menyembunyikan syahadah ini dan ada kalanya mereka mengakui kebenaran syahadah ini, menurut kemahuan mereka yang berniat jahat. Malahan mereka tenggelam dalam kezaliman. **Akhirnya segala amalan dan syahadah mereka digunakan bagi menegakkan kepalsuan dan menidakkan kebenaran.**

Kaum Yahudi telah menyaksikan kebenaran terlebih dahulu daripada kita tetapi mereka mengabaikan bahkan memesongkan kebenaran.

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ مَن آمَنَ تَبْغُونَهَا عِوَجًا وَأَنْتُمْ شُهَدَاءُ وَمَا اللَّهُ بِعَاقِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

“Katakanlah: “Wahai ahli Kitab! mengapa kamu menghalangi orang-orang yang beriman daripada menurut jalan Islam, kamu hendak menjadikan jalan Allah itu bengkok terpesong, **padahal kamu menyaksikan (kebenarannya)?**” Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan.”

(Ali Imran 3 : 99)

Maka, wajarlah Allah mengatakan mereka merupakan sezalim-zalim makhluk.

...وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ كَتَمَ شَهَادَةً عِنْدَهُ مِنَ اللَّهِ...

“...Dan **siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan keterangan** (saksi dan bukti) yang telah diberikan Allah kepadanya?...”

(Al-Baqarah : 140)

Justeru itu mereka layak menerima laknat selama-lamanya. Oleh itu mereka ditimpa kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka menerima kemurkaan Allah sebagaimana dinyatakan sendiri oleh wahyu Allah.

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْهُدَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا بَيَّنَّاهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّاعِنُونَ

“Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk hidayah, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam Kitab suci, **mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk.**”

(Al-Baqarah 2 : 159)

Kemarahan dan kelaknatan Allah ditunjukkan dengan dijadikan sebahagian mereka kera dan khinzir.

قُلْ هَلْ أَنْبَأُكُمْ بِشَرِّ مِنْ ذَلِكَ مَثُوبَةً عِنْدَ اللَّهِ مَنْ لَعَنَهُ اللَّهُ وَغَضِبَ عَلَيْهِ وَجَعَلَ مِنْهُمْ الْقِرَدَةَ وَالْخَنَازِيرَ وَعَبَدَ الطَّاغُوتَ أُولَٰئِكَ شَرٌّ مَكَانًا وَأَضَلُّ عَن سَوَاءِ السَّبِيلِ

“Katakanlah: “Mahukah, Aku khabarkan kepada kamu tentang yang lebih buruk balasannya di sisi Allah daripada yang demikian itu? iaitu **orang-orang yang dilaknat oleh Allah dan dimurkaiNya, dan orang-orang yang dijadikan di antara mereka sebagai kera dan babi, dan penyembah Taghut**, mereka inilah yang lebih buruk kedudukannya dan yang lebih sesat dari jalan yang betul”.

(Al-Maidah 5 : 60)



BAGAIMANA KITA MELAKSANAKAN TANGGUNG JAWAB SYAHADATUL HAQ

Dalam melaksanakan kewajiban ini adalah perlu langkah ini menjadi **paksi yang memusatkan seluruh usaha dan seluruh tindak-tanduk kita**. Langkah ini perlu menjadi fokus yang mengemblengkan seluruh kekuatan moral, fizikal dan material yang kita miliki. Langkah ini juga perlu menjadi objektif atau matlamat utama kita dalam apa jua kerja dan usaha yang kita lakukan.

Langkah pertama kita dalam melaksanakan tanggung jawab ini adalah menumpukan seluruh kehidupan kita semata-mata ke arah melaksanakan syahadatul haq bagi memastikan tiada peluang hujah manusia menjerumuskan kita ke dalam azab Allah.



Alangkah ruginya manusia sekiranya kehidupan atau perbuatannya tidak disumbangkan kepada pelaksanaan syahadatul haq, seperti sumpah Allah di dalam Surah Al-Asr. Apatah lagi, alangkah malangnya manusia sekiranya tindakannya menyumbang ke arah kekuatan musuh-musuh Islam dan kelemahan ummat Islam, yang hanya akan menentang usaha syahadatul haq ini. Celakalah mereka yang bersekongkol dengan musuh-musuh Islam, bersama dengan syaitan yang menjauhkan manusia dari risalah (Al-An'am 6 : 112-113) dan melarikan diri dari hidayah semata-mata keinginan dunia (Al-A'raf 7 : 175-179).

وَلَا تَرْكَنُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ النَّارُ وَمَا لَكُم مِّنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ أَوْلِيَاءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ

“Dan **janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim maka api neraka akan membakar kamu**, sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain dari Allah kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kamu tidak akan mendapat pertolongan.”

(Hud 11 : 113)

وَأْتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ الَّذِي آتَيْنَاهُ آيَاتِنَا فَانْسَلَخَ مِنْهَا فَاتَّبَعَهُ الشَّيْطَانُ فَكَانَ مِنَ الْعَاوِينَ

Dan katakanlah kepada mereka, **khobar berita seorang yang kami beri kepadanya (pengetahuan mengenai) ayat-ayat (Kitab) kami**. Kemudian ia menjadikan dirinya

terkeluar dari mematuminya, lalu ia diikuti oleh Syaitan, maka menjadilah dari orang-orang yang sesat.

(Al-A'raf 7 : 175)

Pilihannya hanyalah satu, iaitu menjadikan kehidupan kita seluruhnya sebagai bukti syahadah kita.

PEMBAHAGIAN SYAHADAH

Syahadah Perkataan


Syahadah dalam bentuk perkataan ialah **kita menjelaskan kepada seluruh manusia tentang kebenaran** yang telah disampaikan kepada kita melalui perantaraan para nabi dan para rasul. Kita jelaskan kepada mereka menggunakan lisan dan pena atau apa sahaja cara dakwah dan sebaran menggunakan media cetak atau radio atau apa sahaja ciptaan manusia di kurun ke dua puluh ini yang boleh kita manfaatkan.



Syahadah Perbuatan

Syahadah dalam bentuk perbuatan pula bermaksud **kehidupan seharian kita mestilah menjadi cermin yang membiaskan dasar dan prinsip yang kita yakini dan kita laungkan...**

Pembuktian dengan amalan dan tingkah laku akan lebih memberi kesan daripada penghujahan dengan kata-kata seperti yang dibukti dalam sejarah dakwah Rasulullah yang memperlihatkan peningkatan ummat Islam yang mendadak setelah Islam dapat dipraktikkan di dalam masyarakat dan negara.



Individu Muslim

Sebenarnya apa yang dapat mempengaruhi dan memikat jiwa manusia ialah apabila mereka melihat dengan mata mereka sendiri kebaikan ajaran agama ini yang sering kita perkatakan dan kita tonjolkan melalui perbuatan kita sepanjang hidup kita.

Mereka dapat melihat sendiri dengan mata mereka contoh-contoh **manusia soleh yang dilahir** dan dididik oleh agama ini.

Masyarakat Muslim

Mereka dapat melihat sebuah **masyarakat yang adil** dan melaksanakan segala prinsip agama ini.

Ringkasnya, sesiapa sahaja yang bergaul dengan kita baik individu mahupun masyarakat, sesiapa sahaja yang berurusan dengan kita dalam apa jua sudut akan mendapati setiap tingkah laku dan tindakan kita baik yang lahir **daripada individu mahupun daripada masyarakat akan menjadi contoh dan saksi bahawa segala prinsip yang kita laungkan sebagai suatu yang benar** dan disokong oleh kitab dan wahyu ini sememangnya benar dalam realiti hidup.

Dengan masyarakat, interaksi dan hubungan antara individu-individu muslim menonjolkan kesefahaman, saling ambil berat, kesaksamaan, amanah dan kehormatan, semua ini dijamin oleh Islam apabila ia dilaksanakannya.

Negara Islam

Namun jangan kita rasakan syahadah dalam bentuk perbuatan ini sudah cukup menandakan kita telah melaksanakan segala tanggungjawab kita dan kita mampu berhadapan dengan Allah di akhirat kelak. Tidak, sebenarnya syahadah ini tidak akan lengkap dan **tidak akan terhasil melainkan setelah terbentuknya sebuah negara yang tertegak berlandaskan prinsip yang abadi** seperti yang dinyatakan secara jelas oleh agama ini.

Dengan negara, sistem-sistem Islam terlaksana dan memperlihatkan keadilan, kebijaksanaan, kesejahteraan dan keberuntungan yang diberikan Allah kepada manusia sehingga mereka terpikat kepada kebenaran.

Bahkan Negara Islam itu berfungsi langsung sebagai agen pendakwah secara internasional seperti yang dilakukan oleh Rasulullah selepas Perjanjian Hudaibiyah. Negara Islam adalah negara dakwah.

Seperti peringatan Uthman bin Arthagul, pengasas Turki Uthmaniyyah kepada Arukhan,

“Wahai anakku, engkau seharusnya mengetahui bahawa **penyebaran dakwah Islam, membimbing manusia dengan sebenar-benarnya ke arah itu dan melindungi harta kaum muslimin adalah satu amanah di leher kamu yang akan dipersoalkan oleh Allah di hari perhitungan...** Wahai anakku, engkau seharusnya mengetahui bahawa satu-satunya jalan kita di dalam kehidupan ini adalah jalan menuju kepada Allah, **satu-satunya tujuan kita adalah untuk menyebarkan agama Allah**, dengan itu, kita bukanlah mengejar kedudukan dan ganjaran duniawi.”

(Petikan dari buku ‘Sultan Muhammad Al-Fatih’ oleh Dr Ali Muhammad Al-Salaabi)

Tamadun Islam / Ustaziatul Alam

Kamu akan perhatikan bagaimana dakwah kamu yang benar ini dan akhlak kamu yang tulus ini akan mula mempengaruhi manusia dan akan mula meresap ke dalam hati dan fikiran manusia yang matang. Seluruh alam akan mengakui sifat amanah, bersih dan luhur yang ada pada kamu. Mereka akan menaruh harapan pada kamu dan mengharapkan kamu melayan mereka dengan adil dan saksama. Mereka akan berkeyakinan dengan kamu dan ketelusan kamu ketika berurusan dengan mereka. **Tuan-tuan akan melihat seluruh manusia akan bersandar kepada kata tuan-tuan. Mereka akan merujuk segala perselisihan mereka kepada kata tuan-tuan dan mereka akan bergantung sepenuhnya kepada tuan-tuan. Pada ketika itu, pemimpin yang kufur dan sesat tiada nilai lagi.** Segala asas falsafah, politik dan ekonomi mereka akan goyah.

Syahadatul haq perlu diteruskan sehingga terbentuk Tamadun Islam yang akan menundukkan manusia dengan kehebatan keilmuan, teknologi, kebudayaan dan ekonomi yang ada di dalamnya. Dulunya manusia ditundukkan dengan kekuasaan politik dan ketenteraan melalui Negara Islam, kini Islam mula diterima disebabkan ketundukan jiwa dan pemikiran kepada Tamadun Islam.

Ini telah ditunjukkan semasa zaman pemerintahan Abbasiyyah dengan kecemerlangan tamadun berbanding kedudukan ummat manusia lain yang masih tidak bernaung di bawah Islam.

APABILA SEMUA TELAH TERLAKSANA MAKA...

Semua suasana ini dapat dilihat dalam negara ini hingga menyebabkan semua lapisan masyarakat akan bersuara:

“Demi sesungguhnya, agama yang dapat membentuk dan membangunkan sebuah negara seperti ini sudah tentu agama yang pasti akan membawa kebahagiaan kepada seluruh manusia dan membawa penganutnya ke arah kejayaan di dunia dan di akhirat.”

Apabila syahadah seperti ini digabungkan dengan syahadah dalam bentuk perkataan, sudah tentu hujah Allah mengatasi hujah manusia.

Barulah, kemudiannya kita mampu membela diri di hadapan Allah.

Ketika itu kita tidak akan dipersoalkan lagi tentang tanggungjawab yang telah diletakkan di bahu umat Islam. Ketika itu, umat ini boleh bersuara mengikuti jejak Rasulullah s.a.w. di hadapan Allah, Pemilik yang Maha Kuasa, Maha Suci segala namaNya:

“Kami telah sampaikan kepada seluruh penduduk bumi ini apa yang telah disampaikan kepada kami, tanpa mengenal erti penat lelah. Kami tidak bertanggung jawab terhadap mereka yang masih tidak mahu menerima kalimah hak dan enggan mengikut cara hidup sebenar yang diredai oleh Allah. Mereka sebenarnya menzalimi diri sendiri dan mereka menurut jalan yang sesat kerana kezaliman dan keangkuhan mereka sendiri.”

Dan apabila mereka bertemu Allah, tiada lagi yang boleh dijawab melainkan pengakuan.

وَسِيقَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِلَىٰ جَهَنَّمَ زُمَرًا ۚ حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوهَا فَفُتِحَتْ أَبْوَابُهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَا أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَتْلُونَ عَلَيْكُمْ آيَاتِ رَبِّكُمْ وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَاءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا قَالُوا بَلَىٰ وَلَٰكِنْ حَقَّتْ كَلِمَةُ الْعَذَابِ عَلَىٰ الْكَافِرِينَ

“Dan orang-orang kafir akan dihalau ke neraka jahannam dengan berpasuk-pasukan, sehingga apabila mereka sampai ke neraka itu dibukakan pintu-pintunya dan berkatalah penjaga-penjaganya kepada mereka: **“Bukankah telah datang kepada kamu utusan-utusan dari kalangan kamu sendiri,** yang membacakan kepada kamu ayat-ayat Tuhan kamu dan memperingatkan kamu akan pertemuan hari kamu ini?” mereka menjawab: **“Ya, telah datang!** Tetapi telah ditetapkan hukuman azab atas orang-orang yang kafir”.”

(Az-Zumar 39 : 71)

Akhirnya kita mampu mengungkapkan penyaksian kepada Allah seperti Rasulullah s.a.w semasa Hajjatul Wada'.

(وانتم تسالون عنى , فما انتم قائلون؟) قالوا : نشهد انك قد بلغت وبلغت واديت ونصحت.

فقال باصبغه السبابة يرفعها الى السماء , و ينكتها الى الناس : (اللهم اشهد) ثلاث مرات . (رواه البخاري ومسلم)

“Dan kamu akan ditanya tentang aku, maka apa yang kamu akan katakan?” Mereka berkata, “**Kami bersaksi kau telah menyampaikan**, kau telah menyampaikan, kau telah melaksanakan (tanggung jawab) dan kau telah menasihatkan”. Maka baginda berkata sambil jari telunjuknya menuding ke langit, dan kemudiannya kepada kalian manusia, “**Ya Allah, aku bersaksi,**” (sebanyak tiga kali).” (Bukhari dan Muslim)

PERINGATAN! HARI PENGADILAN

Adakah Kita Bersedia Menjawab Segala Persoalan dari Tuhan di Hari Pengadilan?

Pada hari apabila semua akan membela diri, cuba mencari seribu satu alasan dan para pesalah cuba menyelamatkan diri walaupun membiarkan manusia lainnya menjadi tebusan.

Adakah Kita Kecundang dengan Kelalaian dan Kejahilan?

Adakah Kita Terpedaya dengan Angan-Angan?

لَيْسَ بِأَمَانِيِّكُمْ وَلَا أَمَانِيَّ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ يَعْمَلْ سُوءًا يُجْزَ بِهِ وَلَا يَجِدْ لَهُ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا

“**Bukan hanya dengan angan-angan kamu semata-mata, dan tidak pula dengan angan-angan ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)**, siapa sahaja yang melakukan kejahatan, ia akan dibalas dengan kejahatan itu, dan ia pula tidak akan mendapat - selain dari Allah - seorang pun yang akan melindunginya, dan tidak ada juga yang dapat menolongnya.”

(An-Nisa' 4 : 123)

Hakikatnya kita tidak mampu menipu atau memperbodohkan Tuhan yang Maha Mengetahui.

فَلْأَتَعْلَمُونَ اللَّهَ بِدِينِكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

“Katakanlah, "**Patutkah kamu hendak memberitahu kepada Allah tentang agama kamu?** padahal Allah mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.”

(Al-Hujurat 49 : 16)

LIHATLAH KEADAAN UMMAT ISLAM APABILA MELUPAKAN SYAHADATUL HAQ

Ummat Islam mengalami kejatuhan yang menyeluruh bermula dari kerosakan peribadi, kerosakan sosial dan kerosakan sistem dalam Negara-negara Islam. Tiada perkataan negatif yang tidak dikaitkan dengan ummat ini.



Ketiadaan Ulu Baqiyyah

فَلَوْلَا كَانَ مِنَ الْقُرُونِ مِنْ قَبْلِكُمْ أُولُو بَقِيَّةٍ يَنْهَوْنَ عَنِ الْفَسَادِ فِي الْأَرْضِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّنْ أَنْجَيْنَا مِنْهُمْ وَاتَّبَعَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مَا أُتْرِفُوا فِيهِ وَكَانُوا مُجْرِمِينَ

“Maka sepatutnya ada di antara umat sebelum kamu itu *ulu baqiyyah*, yang melarang perbuatan keji di muka bumi, kecuali sebahagian kecil di antara orang yang telah selamatkan. Dan orang-orang yang telah berlaku zalim itu hanya mementingkan kemewahan, dan mereka orang-orang yang berdosa.”

(Surah Hud 11 : 116)

Seperti kisah Hari Sabtu dalam Surah Al-A'raf, ayat 163 – 167, terdapat golongan yang menyeru ummatnya semata-mata semoga mampu beralasan di hadapan Allah, ada pula golongan yang tidak bertindak apa dan akhirnya dikatakan 'zalim' kepadanya.

Ummat Seluruhnya Menerima Akibat

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

“Dan takutilah **fitnah** yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum), dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksaNya.”


(Al-Anfal 8 : 25)

Sesungguhnya apabila Allah ingin menurunkan azab, azab tersebut akan mengenai sesiapa sahaja walaupun ia berpunca daripada kesalahan hanya sekelompok manusia. Hanya apabila terdapat golongan yang berusaha memperbaiki keadaan, maka mereka akan terselamat dari azab tersebut.

Pengabaian Mengundang Azab dan Menjauhkan Pertolongan Allah

عَنْ حُذَيْفَةَ بْنِ الْيَمَانَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَتَأْمُرَنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ أَوْ لَيُوشِكَنَّ اللَّهُ أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عِقَابًا مِنْهُ ثُمَّ تَدْعُونَهُ فَلَا يُسْتَجَابُ لَكُمْ (قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ)

“Dari Huzaifah bin Yaman, dari Nabi saw, katanya, “Dan demi diriku pada tanganNya, suruhlah kamu kepada ma’ruf! Dan cegahlah kamu daripada kemungkaran!, Atau, **hampir sahaja Allah akan mengutus kepada kamu azab daripadaNya! Kemudian kamu berdoa kepadanya, maka Dia tidak menjawabnya bagi kamu.**” (Tirmizi, Hadis Hasan)




PEMERINTAHAN INDIA: AKIBAT TIDAK MEMAHAMI SYAHADATUL HAQ

Lihatlah keadaan India ketika diperintah oleh Islam pada dua kurun sebelum ini hinggalah ke zaman kita ini. Kesan tidak bersungguh-sungguh melaksanakan tanggungjawab syahadah ini, terlalu sibuk dengan soal politik, terlalu terpesona dengan kuasa yang dimiliki oleh kerajaan yang berkuasa, kesan kita menyokong kesesatan, membelakangkan kebenaran, hanyut dalam kemungkar dan perbuatan keji, akibatnya seluruh negara ini terlepas daripada genggamannya.

Kekeliruan matlamat dalam usaha mengamalkan Islam menyebabkan kerajaan Islam tidak menjadi model Islam sebaliknya menjadi modal orang-orang kafir menolak dan memusuhi Islam lentas tertutup daripada kebenaran.

Berkenaan puak hindu, kesan kesilapan kita dan penyelewengan yang kita lakukan dalam melaksanakan tanggungjawab syahadah, bagaimana kita melayan mereka seperti rakyat asing semenjak berkurun yang lalu. Kesan tindakan kita itu mereka bangkit memberontak dan membalas dendam bagi pihak diri mereka dan datuk nenek mereka terhadap kita, wanita kita, orang tua kita dan zuriat kita.



TUGAS KITA MENINGATKAN KEMBALI KEPADA TANGGUNG JAWAB SYAHADAH

Saudara! Sudah menjadi sebahagian daripada amalan kami untuk membahagikan setiap majlis dan perhimpunan kami kepada dua bentuk. Pertama, kami sebagai anggota Jama'ah Islamiyyah bermuzakarah dengan membentangkan segala kerja dan usaha yang telah kami lakukan. Kami berbincang tentang strategi dan langkah yang perlu kami ambil untuk mengembangkan dakwah. Kedua, kami jemput penduduk setempat di mana kami adakan perhimpunan. Melalui perhimpunan ini kami akan jelaskan kepada penduduk setempat tentang dakwah Islamiyyah. Kami juga akan jelaskan kepada mereka pendekatan yang kami pilih dan kami guna dalam usaha kami untuk menyebarkan dan mengembangkan keistimewaan dan kelebihan dakwah yang abadi ini.

...

Dakwah kami ini ditujukan kepada semua, baik buat mereka yang telah beriman dengan Allah dan rasulNya, juga buat mereka yang masih belum berpeluang untuk beriman. Kami tujukan dakwah ini kepada mereka semua semata-mata kerana Allah dan rasulNya. Kami tujukan risalah yang khusus untuk apa jua keadaan dan situasi mereka. Malangnya dalam majlis yang berbahagia ini tidak kelihatan golongan kedua yang saya nyatakan tadi.


...

Dakwah yang kita tujukan kepada umat Islam ialah mengajak mereka merasai tanggungjawab besar yang diletakkan di bahu mereka apabila mereka mendakwa mereka beriman dengan Allah dan hari akhirat, dan apabila mereka mengaku akur dengan segala perintah Allah dan rasulNya.

Bertahap dan Teratur dalam Membuat Pembaikan

Usaha syahadatul haq perlu dilakukan secara teratur supaya natijahnya akan lebih terjamin.

Bermula dengan menyedarkan Muslim akan tanggung jawab ini, kemudiannya kebenaran diterjemahkan oleh mereka kepada seluruh manusia. Muslim yang tidak menjadi contoh peribadi muslim telah menjadi faktor penghalang utama daripada penerimaan golongan yang masih belum beriman.



Penegasan tentang tumpuan ini bukan bermakna usaha mengajak manusia yang masih belum beriman akan diabaikan, tetapi, bahkan menegaskan supaya usaha melaksanakan syahadatul haq ini memerlukan muslim yang mengetahui peranan mereka untuk bergerak dan memastikan dakwah akan terus berjalan. Ini bermakna usaha mengajak mereka yang masih belum beriman pun bergantung kepada sejauh mana persediaan golongan muslim dai dari sudut bilangan dan kemampuan.

Sekian, Semoga Kita Mampu Melaksanakan Tanggung Jawab Syahadatul Haq

Abu Muhammad